

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 2015**

#### **PENGGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN BAGI PEMBANGUNAN TANAH YANG BERCANGGAH DENGAN GUNATANAH (UTAMA)**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 10/2015 yang bersidang pada 27 Mei 2015 melalui Kertas Bil. 10/2015/D 2(2) telah meluluskan cadangan untuk mengubah atau meminda Rancangan Tempatan (RT) disemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan bagi membolehkan tanah dimajukan mengikut kategori guna tanah yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau badan-badan yang diberi kuasa oleh PBN.


2. Ekoran daripada terdapatnya dasar-dasar baru pembangunan tanah sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bilangan 6/2015 serta penyelesaian kepada isu-isu berbangkit PBN telah mengarahkan supaya memasukkan kepada Rancangan Tempatan di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kategori guna tanah (utama) seperti berikut:-

“ Aktiviti kegunaan tanah di atas dikecualikan pemakaiannya dan terhenti kuatkuasanya bagi mana-mana tanah berkenaan yang mana telah diluluskan apa-apa projek pembangunan atau apa-apa dasar pembangunan tanah atau apa-apa perizapan atau lain-lainnya oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengikut bidang kuasanya atau bidang kuasanya menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa. Aktiviti-aktiviti baru ini hendaklah terpakai ke atas tanah berkenaan sama ada bertempoh atau untuk selama-lamanya”.

3. Sehubungan dengan itu semua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah membuat pengubahan/pindaan Rancangan Tempatan dengan tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-

- 3.1. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Kelantan hendaklah mengubah atau meminda Rancangan Kerajaan / Rancangan Tempatan masing-masing selaras dengan perenggan 2 di atas.
- 3.2. Meluluskan pengambilan wang deposit untuk tujuan pengubahan daripada mereka yang berkepentingan.
- 3.3. Wang deposit tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada tujuan pengubahan.
- 3.4. Bagi memastikan pindaan memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat dan pembangunan ekonomi, maka tempoh pengubahan hendaklah tidak terikat pada masa tetapi mengikut kesesuaian masing-masing dengan syarat tidak melebihi 2 tahun daripada tarikh kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan serta Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Tersebut.

  
.....  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD**, DPSK (Kelantan)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB.Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB.Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Kelantan
8. Yang Amat Berusaha  
Semua Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL NO : PTG.KN.1/3/10(6)  
PTG.KN.32/69 JLD.4(5)  
BERTARIKH : 04 ZULKAEDAH 1436H  
19 OGOS 2015**